

Oleh

Noor Mohamad Shakil Hameed →(Bahagian Perancangan Korporat
Universiti Putra Malaysia)

Penyelidikan berkualiti tingkat daya saing

Negara kini memiliki lima Universiti Penyelidikan (RU) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dalam Bajet 2013, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diperuntukkan dana RM13 bilion dan daripada jumlah itu, sebanyak RM600 juta diberi kepada lima universiti penyelidikan terbabit bagi menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meminta semua RU menghebatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk dalam bidang yang berpotensi untuk dikomersial.

Katanya, peruntukan RM600 juta itu bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang strategik seperti nano teknologi, automatif, bioteknologi dan aeroangkasa.

Tingkat penyelidikan

Bagi merealisasikan hasrat itu, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin baru-baru ini meminta agar semua RU di negara ini melahirkan lebih ramai pelajar pascasiswazah ber-

banding jumlah sedia ada.

Beliau berkata, peningkatan jumlah pelajar siswazah itu akan menambahkan lagi jumlah penyelidikan pada peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dan ijazah lanjutan.

Kenyataan ini memberikan cabaran besar kepada kelima-lima RU untuk menggiatkan usaha bukan saja mengkomersialkan penemuan masing-masing, malah melipatgandakan usaha bagi menambahkan bilangan graduan pascasiswazah.

Hal ini demikian kerana bukan mudah untuk mendapatkan bilangan pelajar yang

berminat untuk menyambung pengajian apatah lagi untuk mendapatkan pelajar berkualiti yang melakukan penyelidikan berimpak tinggi.

Graduan PhD

Setakat ini, UPM tampil sebagai RU yang paling ramai mengeluarkan pelajar PhD. Sepanjang 2012, UPM berjaya mengeluarkan seramai 369 orang graduan PhD dalam pelbagai bidang.

Namun, RU terpaksa berdepan cabaran untuk menarik lebih ramai pelajar khususnya pelajar asing untuk mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah di negara ini.

Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan global KPT, menyasarkan 150,000 pelajar

antarabangsa akan menuntut di negara ini pada 2015.

Bukan mudah untuk mendapatkan pelajar luar negara yang betul-betul berkualiti dan tidak menimbulkan sebarang masalah terutama dari segi jenayah.

RU perlu melihat secara menyeluruh agar dapat menyusun strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk menarik seramai mungkin pelajar antarabangsa yang berkualiti.

Pelaksanaan strategi promosi yang berkesan di samping elemen tapisan, penilaian dan pemilihan yang ketat wajar dijadikan amalan agar RU dapat menawarkan peluang pengajian hanya kepada yang layak dan berkualiti.

KPT akan memperketat kemasukan pelajar asing.

Pelajar tajaan kerajaan

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah sebelum ini menjelaskan langkah itu bagi memastikan hanya mereka yang layak dan berkemampuan membiayai pengajian mereka di negara ini yang ditawarkan tempat pengajian.

Beliau berkata, KPT mengutamakan kemasukan pelajar yang ditaja kerajaan mereka dan organisasi antarabangsa kerana mereka sudah dinilai oleh agensi di negara masing-masing.

Katanya, kemungkinan untuk mereka menimbulkan masalah dari segi undang-undang juga tipis.

KPT juga dilaporkan akan turut memberi tumpuan untuk mendapatkan pelajar daripada negara maju bagi meningkatkan daya saing

pelajar tempatan.

Dalam pada itu, kita juga berharap semua RU akan juga berusaha untuk menyediakan platform, prasarana dan kemudahan yang bertaraf dunia untuk menggalakkan kegiatan penyelidikan.

Ini akan menjadi pemangkin ke arah melahirkan pelajar pascasiswazah yang berkualiti tinggi dengan penyelidikan yang boleh dikomersialkan.

Semoga peruntukan RM600 juta itu akan merintis kejayaan serampang dua mata kepada universiti tempatan dengan melonjakkan R&D.

Ini yang akan menjadi pencetus inovasi dan merintis jalan untuk mendapatkan pelajar antarabangsa yang mampu meningkatkan daya saing pelajar tempatan.